

3 Jun 2020

**KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD**

**PERKARA: PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN TOPI KELEDAR DAN "VEST" KESELAMATAN KE ATAS PENGGUNAAN MOTOSIKAL DI DALAM TERMINAL NORTHPORT**

---

Hasil daripada perbincangan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk Kesihatan dan Keselamatan Northport yang telah dihadiri bersama oleh pihak NMBSU pada 19 Mei 2020, pihak pengurusan telah bersetuju untuk menguatkuasakan pemakaian topi keledar dan "vest" keselamatan ke atas penggunaan motosikal di dalam terminal Northport.

Sebagai pelabuhan pertama yang mendapat pensijilan ISO 45001:2018 di dalam Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, penguatkuasaan ini adalah penting dalam penambahbaikan keselamatan di dalam terminal dan secara langsung mempertingkatkan imej Northport dalam memastikan aspek keselamatan berada di tahap tertinggi.

Pihak Syarikat telah menetapkan bahawa bermula 1 Julai 2020, semua kakitangan diwajibkan memakai topi keledar dan "vest" keselamatan semasa menunggang motosikal di dalam terminal Northport. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penunggang motosikal dapat dilihat dengan jelas terutamanya apabila melalui kawasan operasi serta dapat memberi perlindungan di bahagian kepala dalam mengelak kejadian tidak diingini daripada berlaku.

Kesalahan menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar dan "vest" keselamatan akan dikenakan tindakan **"HSE Omission Notification" (HON)** di bawah **Kod 001 : 'Tidak memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang diperlukan'**.

Bersama-sama ini dilampirkan panduan pemakaian topi keledar dan "vest" keselamatan semasa menunggang motosikal untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
**NORTHPORT (MALAYSIA) BHD**



**DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**PANDUAN PEMAKAIAN TOPI KELEDAR DAN “VEST” KESELAMATAN YANG BETUL  
SEMASA MENUNGGANG MOTOSIKAL**

